

04 DEC 1996

RAZALEIGH KATA DIA TIDAK KECEWA

MACHANG, 4 Dis (Bernama) -- Anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah berkata beliau tidak kecewa kerana tidak dilantik menganggotai Majlis Tertinggi Umno.

Malahan bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 itu menyambut baik senarai pelantikan yang dibuat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti.

"Saya rasa baik kerana itu adalah pelantikan yang dibuat selepas pertimbangan yang sewajarnya, saya rasa elok dan kita patut bagi sokongan," katanya kepada pemberita di sini selepas diminta mengulas mengenai pelantikan anggota MT itu dan reaksi beliau kerana tidak turut disenaraikan.

Sebelum ini terdapat cakap-cakap kemungkinan Razaleigh dilantik menganggotai MT selepas membubarkan S46 dan menyertai semula Umno.

Mengenai ura-ura beliau akan dilantik mengetuai Badan Perhubungan Umno negeri, Tengku Razaleigh sekali lagi menegaskan bahawa beliau tidak mengharapkan apa-apa jawatan apabila kembali menyertai Umno.

"Itu saya rasa kita serah pada pucuk pimpinanlah. Saya tak nak buat apa-apa ramalan...kita akan bekerja untuk parti kita," katanya.

-- BERNAMA

RAR RON